

# FATWA MUNAKAHAT

ISU-ISU

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa  
Fatwa Majlis Kebangsaan  
Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia



جائتہ کما جوان اسلام ملیسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti

Hak cipta dan cetakannya terpelihara. Sebarang bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan dengan cara yang boleh digunakan lagi dalam sebarang cara, baik secara elektronik, mekanikal dan sebagainya, setelah mendapat izin terlebih dahulu daripada Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Cetakan Pertama 2013

© Hakcipta Terpelihara, Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

ISBN 978-983-042-526-9

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

FATWA ISU-ISU MUNAKAHAT : KEPUTUSAN MUZAKARAH  
JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL  
EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

ISBN 978-983-042-526-9

1. Marriage (Islamic law). 2. Husband and wife (Islamic law).  
297.577

Muka Taip Teks: Arial

Saiz Taip Teks: 12

Diterbitkan Oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti

Aras 4-9 Blok D7, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62519, W.P Putrajaya.

Tel: 03-8886 4000 Faks: 03-8889 1997

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)



# *Isi kandungan*

---

<i>M/S</i>	<i>KEPUTUSAN</i>
7	<i>Kata Aluan</i>
9	Hukum Menggunakan DNA Untuk Menentukan Status Nasab Anak Dan Tempoh Melaksanakan Li'an Untuk Menafikan Nasab Anak
12	Hukum Akad Nikah Menerusi Sidang Video (Video Conference)
14	Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat
17	Hukum Upacara Akad Nikah Di Masjid
18	Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan HIV Kepada Bakal Pengantin
20	Pelantikan Pendaftar Nikah Cerai Luar Negara Atas Nama Jawatan
21	Hukum Suami Yang Melakukan Hubungan Seksual Secara Paksaan
22	Hukum Cerai Taklik Pilihan Kepada Isteri Sekiranya Suami Berpoligami



*M/S*

*KEPUTUSAN*

- |    |  |
|----|--|
| 23 | Hukum Menggunakan Alat-Alat Bantuan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin  |
| 24 | Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian                 |
| 28 | Penceraian Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS)  |
| 29 | Anak Tak Sah Taraf   |
| 30 | Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat - 2   |
| 31 | Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat   |
| 32 | Kahwin Lari di Selatan Thailand  |
| 33 | Perkahwinan Lari Meninggalkan Wali Lebih Dua Marhalah Mengikut Mazhab Al-Syafie                          |
| 34 | Pindaan Kepada Akta Penjagaan Budak 1961 Hak Sama Rata Kepada Ibu-ibu Pemakaian Kepada Orang-orang Islam |
| 35 | Tuntutan Fasakh Nikah Isteri Kerana Suami Mengidap Penyakit AIDS Atau Penagih Dadah                      |



*M/S*

*KEPUTUSAN*

- |    |  |
|----|--|
| 36 | Pernikahan Menggunakan Wali Hakim (Wali Raja) dan Wali Tahkim                            |
| 37 | Pernikahan Melalui Persetujuan (Lelaki & Perempuan)                                      |
| 38 | Mengahwinkan Diri Sendiri  |
| 39 | Harta Sepencarian  |
| 40 | Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah)  |
| 41 | Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah - 3   |
| 42 | Pernikahan dengan Perempuan Kitabiah - 2   |
| 43 | Rancangan Keluarga - 2   |
| 44 | Suami Isteri Bukan Beragama Islam Kemudian Salah Seorang Daripadanya Memeluk Agama Islam |
| 45 | Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah   |
| 46 | Rancangan Keluarga   |
| 47 | Mengahwini Perempuan Yang Sedang Mengandung Anak Luar Nikah                              |





# Kata aluan

---

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**A**lhamdulillah segala puji bagi Allah Yang Maha Penyayang. Selawat dan salam kepada Junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Buku ini menghimpunkan keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berkaitan Munakahat. Keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ini diputuskan berdasarkan kajian dan penyelidikan mendalam. Keputusan ini dicapai secara bersama oleh Mufti-mufti Seluruh Malaysia yang menganggotai jawatankuasa ini.

Himpunan keputusan fatwa ini diharap akan menjadi rujukan dan panduan semua pihak terutama dalam urusan Munakahat.

Akhir kata saya berdoa agar usaha ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

*Wassalam.*

**DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA**

**Ketua Pengarah**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)





## *Keputusan 1*

### **HUKUM MENGGUNAKAN DNA UNTUK MENENTUKAN STATUS NASAB ANAK DAN TEMPOH MELAKSANAKAN LI'AN UNTUK MENAFIKAN NASAB ANAK**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-101 yang bersidang pada 27 September 2012 telah membincangkan Hukum Menggunakan DNA Untuk Menentukan Status Nasab Anak Dan Tempoh Melaksanakan *Li'an* Untuk Menafikan Nasab Anak. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam sangat menitik beratkan persoalan nasab dan apabila telah ada dalil yang mengisbatkan nasab, maka penafiannya tidak boleh diterima melainkan dengan kaedah *Li'an* kerana *Li'an* telah sabit melalui al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijma' dan merupakan suatu amalan *taabudiah*.

Muzakarah juga menjelaskan bahawa Majma' Fiqh al-Islami yang bersidang pada 21 - 26 Syawal 1422 bersamaan 5 - 10 Januari 2002 telah memutuskan bahawa untuk mengisbatkan nasab, penggunaan DNA dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kes kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-

anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Majma' al-Fiqh al-Islami menetapkan bahawa DNA tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab anak apalagi digunakannya mendahului kaedah *li'an*.

Muzakarah menegaskan bahawa para Fuqaha' telah bersepakat bahawa penafian nasab anak melalui kaedah *li'an* perlu dilakukan dengan kadar segera (عَلَى الْفَوْرِ) dan jika penafian nasab tidak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan, maka gugurlah hak penafian nasab tersebut.

Muzakarah turut menegaskan bahawa merujuk kepada Mazhab Shafie, terdapat dua pandangan iaitu dalam *qaul qadim* dan *qaul jadid*. Dalam *qaul qadim*, Imam Shafie menetapkan bahawa penafian hendaklah berlaku seurus diketahui kelahiran bayi tersebut. Sekiranya penafian tidak dibuat, bermakna seseorang itu telah mengakui bahawa bayi tersebut adalah anaknya. Namun begitu, dalam *qaul jadid*, penafian tidak semestinya secara terus. Ia memerlukan masa sebelum sesuatu keputusan diambil memandangkan ia merupakan satu perkara yang penting. Ia boleh ditangguhkan sehingga tiga hari dan penangguhan hanya boleh berlaku atas sebab-sebab keuzuran.

Sehubungan itu, berdasarkan penegasan dan pandangan para ulama' mengenai tempoh segera bagi melakukan *li'an* untuk menafikan nasab anak, Muzakarah berpandangan bahawa seseorang yang hendak melakukan *li'an* bagi penafian nasab anaknya perlu mempunyai tempoh

waktu yang munasabah sebelum membuat keputusan demi mengelakkan sebarang kemudaratan yang mungkin berlaku.

Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tempoh segera bagi seseorang bapa yang hendak melakukan *li'an* bagi menafikan nasab anaknya adalah bermula daripada tarikh isterinya disahkan mengandung sehinggalah tiga (3) hari selepas bersalin. Penafian setelah tempoh munasabah tersebut adalah tertolak dan anak tersebut adalah sah dan sabit sebagai anaknya.

Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya garis panduan untuk menjalankan ujian DNA oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana DNA hanya sekadar *qarinah* atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama.

## *Keputusan 2*

### **HUKUM AKAD NIKAH MENERUSI SIDANG VIDEO (VIDEO CONFERENCE)**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Akad Nikah Menerusi Sidang Video (Video Conference). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa para fuqaha' bersepakat mensyaratkan bahawa bagi memastikan sesuatu akad nikah itu sah, ia hendaklah dilakukan dalam satu majlis (ittihad al-majlis) supaya semuanya terlibat secara langsung semasa pelaksanaan ijab dan qabul.

Sehubungan itu, memandangkan akad nikah menerusi sidang video telah memenuhi syarat Ittihad al-Majlis kerana ia dikelaskan sebagai Ittihad al-Majazi, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa adalah harus melakukan akad nikah menerusi sidang video dengan syarat-syarat seperti yang berikut :

1. Hendaklah majlis ini berlangsung ditahap al-yakin bukan al-zhan.
2. Tidak ada unsur penipuan (al-gharar) dan keraguan.

3. Cukup semua rukun dan syarat-syarat sah nikah menurut hukum syarak.
4. Digalakkan wali sendiri yang mengakad-nikahkan pasangan.
5. Terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditentukan kerana berjauhan seperti berada di luar negara dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya.
6. Tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang (seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri) yang sedang berkuatkuasa.

**HUKUM WANITA MENYUSUKAN ANAK ANGKAT**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13 - 15 Oktober 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam menggalakkan setiap ibu yang melahirkan anak untuk menyusukan sendiri bayi mereka dengan susu ibu sehingga mencapai usia dua tahun, sekiranya mereka mampu berbuat demikian. Namun begitu, Islam juga membenarkan wanita yang tidak melahirkan anak tetapi mengambil anak angkat, untuk menyusukan sendiri anak tersebut dengan bantuan rawatan perubatan.


Penegasan ini adalah berdasarkan pandangan Jumhur fuqaha' yang tidak mensyaratkan seseorang wanita itu mesti hamil terlebih dahulu untuk menyusukan anak sepertimana pandangan Mazhab Hanbali, Syafie dan Hanafi yang menyatakan bahawa seorang perempuan yang hendak menyusukan seorang anak, tidak disyaratkan mempunyai suami yang menyetyubuhinya.

Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa menggunakan ubat atau suntikan untuk merangsang pengeluaran susu badan adalah harus dengan syarat ianya seorang wanita yang telah mencapai umur baligh sama ada telah berkahwin ataupun sebaliknya dan ubat atau hormon yang digunakan tersebut tidak mengandungi sebarang unsur-unsur najis atau mudharat. Keharusan ini tidak tertakluk bagi seorang lelaki yang berubah menjadi wanita melalui pertukaran jantina.

Jumhur fuqaha' juga bersepakat bahawa terdapat dua kaedah penyusuan bagi menjadikan bayi tersebut mahram dengan sebab susuan, iaitu penyusuan secara langsung dari payudara dan penyusuan secara tidak langsung seperti menggunakan tiub, botol susu dan sebagainya. Sehubungan itu, bagi wanita yang menggunakan alat sokongan atau alat bantuan sebagai kaedah menyusukan bayi, Muzakarah memutuskan bahawa bayi tersebut sah sebagai anak susuan apabila cukup syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh Syarak seperti berikut:

- a. bilangan susuan hendaklah dengan lima kali penyusuan;
- b. susu yang dihisap mestilah sampai ke perut bayi; dan
- c. umur bayi tidak melebihi dua tahun mengikut perkiraan bulan qamariah.

Hujah *thabitan* ini ialah kerana susu ibu tersebut telah menjadi makanan asasi kepada bayi yang menumbuhkan



daging dan memanjangkan tulang, sama seperti bayi yang menyusui secara terus daripada payudara. Walau bagaimanapun, sekiranya kaedah yang dilakukan adalah dengan cara menyuntik susu melalui qubul atau dubur, menitik susu ke dalam mata, telinga atau di tempat luka tubuh badan, maka bayi tersebut tidak sah sebagai anak susuan.

Muzakarah juga memutuskan bahawa seorang wanita beragama Islam tidak dilarang untuk menyusukan bayi bukan Islam dan begitu juga seorang bayi beragama Islam boleh menyusui kepada wanita bukan Islam kerana tidak ada nas syarak yang melarangnya. Penyusuan tersebut tidak memberi kesan kepada aqidah dan agama bayi yang disusukan tersebut.

Muzakarah juga memutuskan bahawa susu ibu yang bercampur dengan bahan-bahan lain adalah sama seperti susu ibu yang tidak bercampur dengan makanan, minuman atau lainnya sepertimana pendapat yang rajih daripada ulama' mazhab Shafie dan Hanbali, kerana untuk sabit menjadi anak susuan ialah perlu memenuhi syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh Syarak.

Bagi seorang lelaki yang mengahwini wanita yang menyusukan bayi angkat dan bayi tersebut telah sabit menjadi anak susuan, maka Muzakarah memutuskan bahawa lelaki yang menjadi suami kepada wanita berkenaan adalah menjadi mahram kepada anak susuan tersebut.



## HUKUM UPACARA AKAD NIKAH DI MASJID

---

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Upacara Akad Nikah Di Masjid. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Jumhur ulama' telah memperakukan bahawa upacara akad nikah dibenarkan untuk dilaksanakan di masjid. Bahkan ulama' mazhab Syafie berpendapat adalah sunat dan digalakkan untuk melaksanakan akad nikah di masjid.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa melakukan upacara akad nikah di masjid atau surau adalah **disunatkan** untuk mendapat keberkatan.

Walaubagaimanapun, kedua-kedua pihak bagi pengantin lelaki dan perempuan yang turut menyertai upacara akad nikah tersebut **hendaklah menjaga adab dan mematuhi peraturan** semasa berada di dalam masjid atau surau berkenaan.

## *Keputusan 5*

### **KEWAJARAN MEWAJIBKAN PELAKSANAAN UJIAN SARINGAN HIV KEPADA BAKAL PENGANTIN**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23 - 25 Jun 2009 telah membincangkan Kewajaran Mewajibkan Pelaksanaan Ujian Saringan HIV Kepada Bakal Pengantin. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Ujian saringan HIV kepada setiap pasangan yang hendak berkahwin wajib dilaksanakan sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar kepada pasangan dan keturunannya.
2. Usaha bersungguh-sungguh dilakukan ke arah mewujudkan undang-undang induk di semua negeri bagi memperkukuhkan pelaksanaan ujian saringan HIV ini pada masa-masa akan datang.

#### **Keterangan / Hujah:**

1. Walaupun perkahwinan adalah sunnah Rasulullah S.A.W dan amat digalakkan, namun ianya akan bertukar menjadi haram dan dilarang sekiranya kesan yang akan timbul daripada perkahwinan tersebut akan memberikan kemudharatan yang lebih besar. Apabila bertembung kebaikan dan kemudharatan maka menolak kemudharatan itu adalah lebih diutamakan bagi menjamin kelangsungan hidup masyarakat dalam sesebuah negara.

2. Antara Maqasid Syari'yyah yang lima ialah menjaga keturunan. Menutup sesuatu kemudaratan sebelum berlakunya mudarat tersebut adalah lebih baik daripada mengubatinya. Ia adalah penting bagi memelihara agama dan keturunan.
3. Muhammad az-Zuhayli mengatakan bahawa adalah harus bagi pemerintah mengeluarkan hukum mewajibkan sesiapa yang hendak berkahwin melakukan ujian HIV.
4. Ali as-Sabuni berpandangan bahawa pengesahan kesihatan daripada doktor tidak dikira melewati perkahwinan, akan tetapi ianya memberi gambaran yang jelas kepada pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga mengenai perkongsian hidupnya pada masa akan datang. Syariat Islam membenarkan sesuatu yang berfaedah dan bermanfaat (ujian saringan kesihatan) kepada individu dan keluarga walaupun tidak dinaskan oleh fuqaha' ke atasnya secara langsung.

## *Keputusan 6*

### **PELANTIKAN PENDAFTAR NIKAH CERAI LUAR NEGARA ATAS NAMA JAWATAN**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan Pelantikan Pendaftar Nikah Cerai Luar Negara Atas Nama Jawatan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Islam menyuruh umatnya mempermudah urusan perkahwinan selagimana ia tidak melanggar Hukum Syarak dan mematuhi peraturan negara. Walau bagaimanapun dalam urusan perkahwinan di luar negara, pelantikan Pendaftar Nikah Cerai perlu dipilih daripada mereka yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat wali yang ditetapkan.
2. Berdasarkan keperluan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa pelantikan Pendaftar Nikah Cerai Luar Negara tidak boleh dibuat atas nama jawatan, tetapi perlu dibuat atas nama individu yang berkelayakan menurut syarak.

**HUKUM SUAMI YANG MELAKUKAN HUBUNGAN  
SEKSUAL SECARA PAKSAAN**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22 - 24 November 2005 telah membincangkan Hukum Suami Yang Melakukan Hubungan Seksual Secara Paksaan. Muzakarah telah memutuskan bahawa di dalam Islam hubungan di antara lelaki dan wanita adalah diharamkan setelah melalui akad Ijab dan Qabul yang sah.

Oleh itu Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tiada istilah rogol atau melanggar hak asasi manusia dalam sebuah perkahwinan yang sah dan keganasan rumahtangga yang berlaku adalah lebih bersifat dharar yang boleh diambil tindakan melalui peruntukan undang-undang sedia ada.

**HUKUM CERAI TAKLIK PILIHAN KEPADA ISTERI  
SEKIRANYA SUAMI BERPOLIGAMI**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22 - 24 November 2005 telah membincangkan Hukum Cerai Taklik Pilihan Kepada Isteri Sekiranya Suami Berpoligami. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Di dalam Islam poligami adalah diharuskan. Oleh itu dengan mengambilkira hikmah poligami yang telah disyariatkan, Muzakarah memutuskan bahawa cadangan memasukkan lafaz cerai taklik sekiranya suami berpoligami tidak perlu dilaksanakan.
2. Muzakarah juga berpandangan bahawa Undang-undang Keluarga Islam yang sedia ada telah lengkap dan mencakupi semua isu berkaitan institusi keluarga Islam. Sehubungan itu sebarang pindaan undang-undang bagi tujuan penambahan lafaz cerai taklik ini adalah tidak diperlukan.

## *Keputusan 9*

### **HUKUM MENGGUNAKAN ALAT-ALAT BANTUAN UNTUK TUJUAN HUBUNGAN KELAMIN**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13 - 15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Menggunakan Alat-alat Bantuan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin. Muzakarah telah memutuskan bahawa harus menggunakan alat bantuan untuk tujuan hubungan kelamin selagimana ia tidak memudaratkan dan tidak najis.

## *Keputusan 10*

### **HUKUM MENJADIKAN CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-67 yang bersidang pada 22 Februari 2005 telah membincangkan Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian. Muzakarah telah memutuskan bahawa wang caruman KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian dan menetapkan wang tersebut sebagai harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid.

#### **Keterangan / Hujah:**

#### **LATAR BELAKANG**

Isu untuk menjadikan wang caruman KWSP sebagai harta sepencarian timbul apabila terdapat beberapa pihak yang mahukan pihak isteri juga turut mempunyai hak dalam caruman KWSP suami terutama apabila berlaku perceraian atau kematian si suami.

Undang-undang Pentadbiran Mahkamah Syariah di Kelantan dan Undang-undang Keluarga Islam di seluruh negeri serta Wilayah Persekutuan ada mentafsirkan maksud harta sepencarian. Dari sudut perundangan, terdapat sedikit perbezaan dalam pentafsiran terminologi



ini sungguhpun tidak terdapat perbezaan dari segi amalan pembahagian. Umumnya, harta sepencarian dapat didefinisikan sebagai harta sama ada harta alih atau harta tak alih yang diperoleh bersama oleh suami dan isteri hasil daripada usaha dan sumbangan bersama-sama dalam tempoh perkahwinan mereka dan termasuklah juga nilai harta yang diperoleh sebelum mereka berkahwin yang telah dimajukan atau ditingkatkan nilainya dalam masa perkahwinan melalui usaha bersama.

Mahkamah Syariah diberi bidang kuasa eksklusif untuk mendengar dan membicarakan tuntutan harta sepencarian daripada mana-mana pasangan Islam yang telah bercerai. Terdapat dua faktor yang diambil kira dalam menentukan sesuatu itu merupakan harta sepencarian atau tidak. Faktor pertama ialah sumbangan secara langsung. Sumbangan ini merujuk kepada usaha bersama yang jelas oleh pasangan suami isteri untuk memperoleh sesuatu aset itu. Ia merupakan faktor utama bagi mahkamah untuk mensabitkan adanya hak harta sepencarian semasa dalam tempoh perkahwinan.

Faktor kedua merujuk kepada sumbangan secara tidak langsung oleh isteri atau suami kepada pasangannya dalam mendapatkan sesuatu aset. Sebagai contoh, suami bekerja untuk mendapatkan sumber pendapatan, manakala isteri ialah seorang suri rumah yang tidak bekerja bersama-sama dalam memperoleh sumber pendapatan tersebut. Namun, kebijaksanaan isteri dalam menguruskan rumah, anak-anak dan sebagainya ditafsirkan sebagai sumbangan secara

tidak langsung yang menjamin seseorang suami dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada kerjanya.

Daripada huraian yang telah dibuat, caruman KWSP tidak dikategorikan sebagai harta sepencarian. Di bawah Akta KWSP 1991, Seksyen 51, Simpanan KWSP ahli yang masih hidup adalah hak mutlak pencarum untuk kebajikan mereka pada hari tua yang tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain. Akta KWSP ini pula terletak di bawah undang-undang sivil.

## HUJAH DAN DALIL

Tiada dalil khusus tentang harta sepencarian dan cara pembahagian dalam al-Quran dan hadis. Namun demikian, Allah SWT telah pun menggariskan prinsip asas pemilikan iaitu ia berdasarkan kepada usaha tanpa membezakan antara lelaki dan wanita. Firman Allah SWT berikut ini menjadi asas kepada kepentingan pertimbangan sumbangan secara langsung dalam penentuan harta sepencarian:

Maksudnya:

*Dan bagi orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang perempuan pula ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan.*

*(Al-Nisa' : 32)*

Mazhab Syafie menggariskan, konsep perkongsian harta boleh dilihat melalui *syarikat al-'inan* yang perkongsian

dalam bentuk harta dibuat oleh dua pihak atau lebih melalui akad, dan keuntungan kembali kepada pihak tersebut menurut upah yang munasabah dengan kerja. Mazhab Hanafi mengharuskan secara mutlak *syarikat al-abdan* di mana perkongsian berlaku apabila dua orang berkongsi tenaga dan usaha tanpa harta dan modal. Maka keuntungan kembali kepada kedua-dua pihak atas kadar upah yang munasabah mengikut kerja. Mazhab Maliki dan Mazhab Hambali juga bersependapat begini dengan mensyaratkan persamaan dari segi jenis kerja.

Berdasarkan pandangan para ulama, dapat dirumuskan bahawa sumbangan kerja menjadi faktor menentukan wang simpanan KWSP sebagai harta sepencarian atau tidak. Perkongsian wang simpanan KWSP bukanlah perkongsian berakad dalam bentuk harta. Sekalipun terdapat perkongsian usaha dan tenaga, namun sumbangan isteri atau suami kepada pasangannya di dalam atau di luar rumah bukanlah dari jenis kerja yang sama yang dilakukan oleh pasangan tersebut. Oleh itu, wang simpanan KWSP bukanlah bentuk harta sepencarian tetapi harta pusaka yang wajib diagih-agihkan kepada yang berhak menerimanya melalui hukum faraid.

## *Keputusan 11*

### **PENCERAIAN MELALUI SISTEM PESANAN RINGKAS (SMS)**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-59 yang bersidang pada 27 Ogos 2003 telah membincangkan Penceraian Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faksimili, SMS, e-mel dan sebagainya merupakan talak secara kinayah dan ianya adalah sah sekiranya disertai dengan niat.
2. Semua penceraian hendaklah dikemukakan kepada mahkamah syariah untuk mensabitkan talak tersebut.
3. Talak yang dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi moden adalah kaedah penceraian yang tidak menepati adab penceraian yang digariskan oleh syarak.

## *Keputusan 12*

### **ANAK TAK SAH TARAF**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan mengenai Anak Tak Sah Taraf. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

**a. Anak Tak Sah Taraf ialah:**

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
2. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

Anak tidak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.

## *Keputusan 13*

### **PENCANTUMAN BENIH UNTUK MENDAPATKAN ZURIAT - 2**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-56 yang bersidang pada 7 Mei 2003 telah membincangkan Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum akad nikah dan kemudiannya dibuat pencantuman dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah haram.
2. Hukum mencantumkan benih yang diambil dan dicantumkan dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah harus.



## *Keputusan 14*

### **PENCANTUMAN BENIH UNTUK MENDAPATKAN ZURIAT**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-55 yang bersidang pada 8 April 2003 telah membincangkan

Pencantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum memasukkan embrio ke dalam rahim isteri selepas berlaku kematian suami atau perceraian adalah haram.

**KAHWIN LARI DI SELATAN THAILAND**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Kahwin Lari di Selatan Thailand. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum pernikahan di luar negara adalah sah dengan syarat :

1. Pernikahan itu mengikut rukun nikah.
2. Pernikahan itu melebihi dua marhalah.
3. Tiada keputusan mahkamah yang menghalang perempuan itu berkahwin atas alasan syarak ditempat dia bermastautin.
4. Pernikahan itu dilakukan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan dan diakad nikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditauliahkan sebagai wali hakim.





## *Keputusan 16*

### **PERKAHWINAN LARI MENINGGALKAN WALI LEBIH DUA MARHALAH MENGIKUT MAZHAB AL-SYAFIE**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Perkahwinan Lari Meninggalkan Wali Lebih Dua Marhalah Mengikut Mazhab Al-Syafie. Muzakarah telah memutuskan bahawa perkahwinan yang dilakukan oleh jurunikah yang diiktiraf oleh pihak berkuasa bagi pasangan yang berjauhan dari wali lebih dari dua marhalah adalah sah menurut mazhab Al-Syafie.

**PINDAAN KEPADA AKTA PENJAGAAN BUDAK 1961  
HAK SAMA RATA KEPADA IBU-IBU PEMAKAIAN  
KEPADA ORANG-ORANG ISLAM**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah membincangkan Pindaan Kepada Akta Penjagaan Budak 1961 Hak Sama Rata Kepada Ibu-ibu Pemakaian Kepada Orang-orang Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa pindaan kepada Akta Penjagaan Budak 1961 Hak Sama Rata Kepada Ibu-ibu Pemakaian Kepada Orang-orang Islam adalah bertentangan dengan hukum Islam dan disarankan agar dibuat kajian lanjut secara mendalam.



## *Keputusan 18*

### **TUNTUTAN FASAKH NIKAH ISTERI KERANA SUAMI MENGIDAP PENYAKIT AIDS ATAU PENAGIH DADAH**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 telah membincangkan Tuntutan fasakh Nikah Isteri Kerana Suami Mengidap Penyakit AIDS Atau Penagih Dadah. Muzakarah telah meluluskan fatwa tuntutan fasakh nikah isteri kerana suami mengidap penyakit aids atau penagih dadah dengan perakuan dari pakar perubatan yang adil.

**PERNIKAHAN MENGGUNAKAN WALI HAKIM  
(WALI RAJA) DAN WALI TAHKIM**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-24 yang bersidang pada 5 - 6 Jun 1989 telah membincangkan Pernikahan Menggunakan Wali Hakim (Wali Raja) dan Wali Tahkim. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Pernikahan wanita-wanita tidak mempunyai wali nasab di negeri Sabah yang dilakukan oleh jurunikah atau kadi yang dilantik oleh tuan yang terutama adalah dikira pernikahan secara wali hakim dan pernikahan itu adalah sah di sisi syarak.
2. Mufti negeri Sabah hendaklah membuat kenyataan umum di negeri itu mengenai keputusan seperti di perenggan di atas.
3. Pernikahan pelajar atau rakyat Malaysia di luar negeri secara wali tahkim atau tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia adalah dilarang.

**PERNIKAHAN MELALUI PERSETUJUAN  
(LELAKI DAN PEREMPUAN)**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-20 yang bersidang pada 2 April 1988 telah membincangkan Pernikahan Melalui Persetujuan (Lelaki dan Perempuan). Muzakarah telah memutuskan bahawa adalah tidak sah pernikahan demikian kerana pernikahan ini tidak mempunyai saksi dan tidak menggunakan *sighah* ljab dan Qabul seperti yang diittifaq oleh empat mazhab Islam iaitu Shafie, Hambali, Maliki dan Hanafi.

**MENGAHWINKAN DIRI SENDIRI**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-20 yang bersidang pada 2 April 1988 telah membincangkan Mengahwinkan Diri Sendiri. Muzakarah telah memutuskan bahawa adalah tidak sah perkahwinan mengahwinkan diri sendiri kerana pernikahan ini tidak memenuhi syarat dan rukun yang telah diittifaq oleh mazhab yang empat, iaitu tiada wali dan saksi.

## *Keputusan 22*

### **HARTA SEPENCARIAN**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13 - 14 April 1982 telah membincangkan Harta Sepencarian. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Segala apa yang diberi atau dihibahkan oleh suami kepada isteri atau sebaliknya dengan bukti secara syarak atau dengan pengakuan dari pihak yang memberi adalah menjadi hak kepada yang menerima.
2. Mengenai rumah tempat tinggal dan perabot pada dasarnya adalah menjadi hak suami kecuali bila ada kenyataan menunjukkan bahawa suami menghibahkan kepada isterinya, atau isteri yang punya.
3. Mas kahwin, pakaian dan nafkah pada dasarnya adalah menjadi hak isteri.



## *Keputusan 23*

### **PENAMAAN ANAK TAK SAH TARAF (ANAK LUAR NIKAH)**

---

**M**uzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28 - 29 Januari 1981 telah membincangkan Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah). Muzakarah telah memutuskan bahawa anak zina atau anak di luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah di bin atau di bintikan kepada Abdullah.



### **PERNIKAHAN DENGAN PEREMPUAN KITABIAH - 3**

---

**P**ersidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang bersidang pada 14 Mei 1980 telah membincangkan Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah. Persidangan telah memutuskan bahawa:

1. Pernikahan orang Islam dengan perempuan Kitabiah (bukan asli) adalah tidak sah mengikut mazhab Shafie.
2. Pernikahan seperti itu (pernikahan orang Islam dengan perempuan Kitabiah bukan asli) yang telah dilakukan pada masa yang lalu harus mengikut pendapat setengah ulama' dengan syarat jika pernikahan itu diadakan mengikut Islam dan keluarga itu hendaklah hidup secara Islam termasuk pendidikan anak-anak. Jika tidak dilakukan demikian maka perkahwinan itu hendaklah dibatalkan.
3. Pernikahan suami / isteri Kristian kemudian si suami masuk Islam maka pernikahannya dikira sah dengan syarat kehidupannya mengikut cara Islam.

**PERNIKAHAN DENGAN PEREMPUAN KITABIAH - 2**

---

**P**ersidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 14 Julai 1977 telah membincangkan Pernikahan dengan Perempuan Kitabiah. Persidangan telah memutuskan bahawa takrif Kafir Kitabi ialah orang Yahudi atau Nasrani:

1. Yang berketurunan Nabi Yaakub a.s., jika tidak diketahui datuk neneknya memeluk agama itu selepas dinasakhkan (dibatalkan) oleh agama yang berikutnya seperti agama Yahudi dinasakhkan oleh agama Nasrani dan agama Nasrani dinasakhkan oleh agama Islam; atau
2. Yang bukan berketurunan Nabi Yaakub a.s., jika diketahui datuk neneknya memeluk agama itu sebelum dinasakhkan.

Hukumnya halal nikah dengan perempuan Kafir Kitabi seperti di atas. Adapun perempuan Yahudi atau Nasrani yang bukan Kitabi seperti yang disebutkan di atas adalah haram.

**RANCANGAN KELUARGA - 2**

---

**P**ersidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-12 yang bersidang pada 20 Februari 1977 telah membincangkan Rancangan Keluarga. Persidangan telah memutuskan bahawa Rancangan Keluarga mengandungi tiga bahagian, iaitu:

1. Memandulkan lelaki atau perempuan hukumnya adalah haram.
2. Mencegahkan beranak atau menghadkan bilangan anak hukumnya adalah haram melainkan dengan sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak bagi orang-orang perseorangan.
3. Menyusun keluarga dari segi kesihatan, pelajaran dan kebahagiaan keluarga dengan cara yang lain daripada (a) dan (b) di atas adalah harus.

## *Keputusan 27*

### **SUAMI ISTERI BUKAN BERAGAMA ISLAM KEMUDIAN SALAH SEORANG DARIPADANYA MEMELUK UGAMA ISLAM**

---

**P**ersidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-10 yang bersidang pada 30 April 1975 telah membincangkan Suami Isteri Bukan Beragama Islam Kemudian Salah Seorang Daripadanya Memeluk Ugama Islam. Persidangan telah memutuskan bahawa:

1. Nikah pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam akan terputus jika salah seorang daripadanya memeluk agama Islam tetapi jika yang seorang lagi memeluk agama Islam juga dalam masa iddah itu maka kekal nikah mereka.
2. Dalam keadaan di mana salah seorang daripada pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam memeluk agama Islam maka hendaklah diberi penerangan kepada mereka mengenai terpisahnya yang akan berlaku (tertalak) jika seorang lagi tidak memeluk agama Islam dan hendaklah dinasihati dan dipujuk yang seorang lagi itu dengan hikmah supaya ia memeluk agama Islam juga.

**PERNIKAHAN DENGAN PEREMPUAN KITABIAH**

---

**P**ersidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-10 yang bersidang pada 29 April 1975 telah membincangkan Pernikahan Dengan Perempuan Kitabiah. Persidangan telah memutuskan bahawa apabila seseorang perempuan bukan Islam memeluk agama Kristian berkahwin dengan lelaki Islam maka nikahnya tidak sah kecuali kafir Kitabi.

**RANCANGAN KELUARGA**

---

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 22 November 1973 telah membincangkan Rancangan Keluarga. Persidangan telah memutuskan bahawa menggalakkan amalan rancangan keluarga kepada umum adalah haram, tetapi bagi orang perseorangan atas sebab-sebab yang tertentu adalah diharuskan.

**MENGAHWINI PEREMPUAN YANG SEDANG  
MENGANDUNG ANAK LUAR NIKAH**

---

**P**ersidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 21 - 22 Januari 1971 telah membincangkan Mengahwini Perempuan Yang Sedang Mengandung Anak Luar Nikah. Persidangan telah memutuskan bahawa perempuan yang sedang mengandung anak luar nikah harus dinikahkan tetapi anaknya tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu, tidak dapat pesaka daripadanya, tidak menjadi mahram kepadanya dan lelaki itu tidak boleh menjadi walinya.

